

Pengantin redah banjir

CHANGKAT JONG - Meskipun terpaksa meredah banjir, Azlan Shah Mohamed dan Norhafizan Mohd Khalil tetap meneruskan majlis perkahwinan mereka, di Kampung Batu 7 ½, di sini, kelmarin.

Azlan berkata, majlis perkahwinannya pada mulanya dijadualkan berlangsung di rumah pasangan pengantin perempuan di Batu 7 Changkat Jong terpaksa dipindah ke rumah nenek Norhafizan.

Katanya, mejlis terpaksa dipindah ke tempat baru akibat kawasan rumah Norhafizan ditenggelami banjir sejak dua minggu lalu.

"Isteri saya sering menangis kerana bimbang majlis perkahwinan kami akan dibatalkan kerana rumah ibu bapanya dilanda banjir.

"Bagaimanapun, ke-bimbangan isteri saya berakhir apabila bapa mertua saya mengatakan majlis perkahwinan kami tetap diadakan meng-

ikut jadual cuma bertukar lokasi," katanya selepas majlis persandingan mereka di sini, kelmarin.

Azlan berkata, dia sering menenteramkan perasaan Norhafizan dan menasihati agar bersabar menerima keadaan yang dianggap sebagai ujian daripada ALLAH.

Katanya, dia bersyukur majlis perkahwinan mereka berjalan dalam suasana meriah walaupun terpaksa berdepan dengan masalah banjir.

"Saya akan mengadakan majlis menyambut pengantin di rumah ibu bapa saya di Nilai, Negeri Sembilan 1 Disember ini dan tidak akan melupakan peristiwa itu sepanjang hidupnya.

"Kita perlu bertawakal dengan apa yang berlaku, insya-Allah, hasrat kita akan dipermudahkan oleh ALLAH. Bagaimanapun saya bersyukur majlis perkahwinan kami berjalan dalam suasana meriah," katanya.



Azlan Shah dan Norhafizan dan keluarga terpaksa meredah banjir pada majlis perkahwinan mereka, kelmarin.